

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU SARAWAK

JAWATAN : PEMBANTU AWAM GRED H11

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
JADUAL GAJI : RM1,218.00 – RM2,939.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred H11:RM1,218.00)
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau Kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Ringkasan tugas

Menjalankan tugas-tugas am bersifat hands-on yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja dan lain-lain tugas yang ditentukan dari masa ke semasa.

SYARAT UMUM PERMOHONAN:

- a) Pemohon mestilah Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;
- c) Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan mestilah berumur tidak melebihi 50 tahun;
- d) Calon perlu mengemukakan Salinan Rekod Kenyataan Perkhidmatan (RKP) yang telah disahkan untuk temuduga. Calon yang tidak mengemukakan Salinan RKP TIDAK DIBENARKAN untuk menduduki temuduga.
- e) Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat keatasnya dari semasa ke semasa.
- f) memenuhi syarat kelayakan Bahasa Melayu iaitu Kepujian dan subjek-subjek tertentu seperti mana yang disyaratkan dalam skim perkhidmatan

SYARAT KHAS PERMOHONAN:

Calon hendaklah mempunyai pengetahuan atau pengalaman dalam bidang automotif seperti penyelenggaraan/servis serta baik pulih kenderaan.

TARAF JAWATAN: TETAP

CARA MEMOHON:

Permohonan hendaklah dibuat melalui Sistem Permohonan Jawatan (*hrportal*) yang boleh dicapai dalam laman web rasmi UPMKB di ejobs.upm.edu.my.

PERHATIAN :

Permohonan secara online yang tidak lengkap boleh menyebabkan permohonan tidak akan dipertimbangkan. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh **enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan** adalah dianggap **tidak berjaya**.